



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **'KEMPEN JOM BAYAR SAMAN' SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**PUTRAJAYA, 4 Februari 2016** - YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan majlis perasmian 'Kempen Jom Bayar Saman' Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016. Kempen ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB) dengan kerjasama dari Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

2. 'Kempen Jom Bayar Saman' ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan dan NGO's dalam bersama-sama memudahkan warga Wilayah Persekutuan untuk urusan pembayaran saman sama ada dengan pihak PDRM, JPJ, DBKL atau PPj. Selain itu, ianya bertujuan bagi membantu warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mempunyai tunggakan kompaun atau saman dengan pihak DBKL dan PPj untuk diskaun bayaran saman semasa kempen ini berlangsung. Setiap jenis saman atau kompaun yang dikeluarkan **PERLU DIBAYAR SEBANYAK RM30 SAHAJA** dan hanya sah dari **3 hingga 5 Februari 2016**. Tercetusnya program ini juga adalah atas dasar kepekaan dan keprihatinan terhadap warga Wilayah Persekutuan terutamanya penjawat awam yang mempunyai pelbagai saman samada saman tempat letak kenderaan, saman lalulintas, saman premis perniagaan dan lain-lain saman dengan harga potongan iaitu diskaun.

3. Selain dari penganjuran program 'Jom Bayar Saman' ini, KWP dan Agensi juga telah merancang pelbagai program lain dalam menambahkan keceriaan dan

kesejahteraan warga kota. Warga kota adalah dialu-alukan untuk menyertai program-program SHWP 2016 seperti *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan, Majlis Khatam Al-Quran Wilayah Persekutuan, Pertandingan Melukis & Mewarna Wilayah Persekutuan, Festival Makanan Warisan 1Malaysia, Majlis Rumah Terbuka Chinese New Year Peringkat Wilayah Persekutuan, Kenduri 1Wilayah Persekutuan Di Semua 13 Parlimen Seluruh Wilayah Persekutuan, Program Ilmiah Bersama Datuk Ustaz Kazim Elias, Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan dan banyak lagi.

4. Kerjasama dan kolaborasi semua pihak adalah amat diperlukan dalam menjayakan program SHWP 2016 agar mencapai objektif yang disasarkan bagi menceriakan warga kota khususnya di KL dan Putrajaya. Selain itu, program ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk Wilayah Persekutuan terhadap inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan dalam usaha meringankan beban kos sara hidup semakin meningkat yang dihadapi oleh rakyat. Semoga dengan pelaksanaan kempen ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan dan impak yang positif kepada semua pihak yang terlibat.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
4 Februari 2016  
Putrajaya